



**Unit Digital di Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Pejabat SUK Pahang** ingin mempelawa individu-individu yang berkelayakan, dinamik, mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan berpengalaman luas dalam bidang Teknologi Maklumat bagi mengisi kekosongan jawatan **mulai 16 Januari 2023** seperti berikut :

## DIPLOMA/SIJIL/STP/STPM/STAM

**KUMPULAN PELAKSANAAN**

**KEKOSONGAN**

**PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**

**1**

**GRED FA29 (KONTRAK)**



### Syarat Kelayakan Minimum:

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur sekurang-kurangnya **25 tahun** pada tarikh tutup iklan;
3. Memiliki sekurang-kurangnya:
  - i. Sijil dalam bidang Teknologi Maklumat atau Prosesan Data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.
  - ii. Sijil dalam bidang Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.
  - iii. Diploma dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - iv. Diploma dalam bidang Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

4. Pengalaman kerja **minimum 5 tahun** dalam membangunkan dan menyelenggara sistem aplikasi atau laman web serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna. **Keutamaan bagi calon yang memiliki pengalaman dalam membangunkan atau menyelenggara sistem aplikasi atau laman web yang berkaitan dengan pengurusan projek ICT;**
5. Memiliki sifat kreatif, tekun, sabar, komited dan minat untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat;
6. Mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang mendalam mengenai perkakasan, peralatan dan sistem komputer serta mengikuti perkembangan teknologi maklumat terkini.

### **RINGKASAN TUGASAN FA29 UNIT DIGITAL NEGERI PAHANG**

1. Membantu dalam pelaksanaan tugas sebagai urusetia kepada Majlis Digital negeri Pahang dan urusetia kepada Mesyuarat Pemantauan Perlaksanaan.
2. Membantu dalam penyediaan laporan status perlaksanaan inisiatif digital dalam Pelan Digital Negeri Pahang kepada Majlis Digital Negeri Pahang.
3. Membantu pelaksanaan pemantauan kepada perkembangan pelaksanaan dan melakukan penambahbaikan serta tindakan progresif dalam meminimumkan pemasalahan perkara berbangkit bagi setiap inisiatif digital.
4. Membantu dalam menyediakan mekanisma pemantauan perlaksanaan atau KPI secara atas talian.

5. Menguruskan penyediaan mekanisma pemantauan pelaksanaan atau KPI secara atas talian.
6. Membantu dalam pengurusan penyimpanan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Majlis Digital Negeri Pahang dengan sistematik dan selamat.
7. Membangunkan dan menyelenggara sistem aplikasi atau laman web yang diperlukan dalam pemantauan dan penetapan KPI.
8. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh jabatan dari semasa ke semasa.

**Calon yang berminat dan memenuhi kelayakan perlu menghantar SURAT PERMOHONAN beserta RESUME yang lengkap ke alamat:**

**Unit Pembangunan Organisasi,  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang,  
Tingkat 2, Blok B, Wisma Sri Pahang,  
25503 KUANTAN**

atau emel ke: [pobpsm@gmail.com](mailto:pobpsm@gmail.com)

*Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.*

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA ATAU SEBELUM  
29 JANUARI 2023 (AHAD) JAM 11.59 MALAM.**